

Bekas Ketua Pemuda MIC Kedah Gembira Keputusan Mahkamah Rayuan Bersihkan Nama Bernama
22 Mei, 2013

SUNGAI PETANI, 22 Mei (Bernama) -- Bekas Ketua Pemuda MIC Kedah SK Sures gembira kerana penantian sejak 2007 untuk membersihkan nama beliau yang dikaitkan dengan satu kes pembunuhan, menampakkan permulaan baik kerana Mahkamah Rayuan pada 15 Mei lepas, membuat keputusan yang berpihak kepadanya.

Sures, 46, berkata Mahkamah Rayuan memerintahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kerajaan membayar ganti rugi sebanyak RM10,000 dan kos guaman RM10,000 kepada beliau dalam satu kes saman.

"Ia adalah susulan kesilapan PDRM yang menahan saya pada 11 Julai 2007 secara salah berhubung satu pembunuhan. Walaupun tiada pertuduhan dikenakan terhadap saya dan saya dibebaskan, namun imej dan reputasi saya sebagai pemimpin masyarakat telah tercemar kerana berita penahanan saya disiarkan di akhbar dan saluran televisyen tempatan," katanya yang ditemani peguam T Rajasekaran pada sidang akhbar di sini Rabu.

Beliau berkata keputusan itu membuktikan keadilan dapat ditegak menerusi saluran undang-undang yang betul, tidak perlu demonstrasi jalanan, provokasi atau menghentam mana-mana pihak menerusi media sosial.

"Saya yakin dengan institusi kehakiman negara, cuma saya berharap agar PDRM kelak lebih berhati-hati, telus dan membuat siasatan teliti supaya keadilan dan kedaulatan undang-undang dapat ditegakkan tanpa prejudis.

"Dalam kes ini, saya percaya PDRM telah menerima maklumat palsu oleh pihak tidak bertanggungjawab yang mahu menjatuhkan karier saya.

"Saya berharap dengan keputusan ini, nama dan maruah saya sekeluarga dapat dibersihkan," katanya.

Sures, yang juga Ketua MIC Cawangan Kubang Pasu, berkata meskipun imej dan reputasinya tercemar disebabkan perkara itu, sehingga hari ini beliau terus berkhidmat kepada rakyat kerana enggan dilihat sebagai pemimpin tidak bertanggungjawab.

Pada 11 Julai 2007, Sures ditahan reman bersama tiga individu lain bagi membantu siasatan berhubung kes seorang guru yang ditikam di Jitra pada 26 Jun 2007 sebelum dilapor meninggal dunia pada 7 Julai tahun sama.

Pada 3 Julai 2011, Mahkamah Tinggi Alor Setar menolak saman itu dan Sures kemudian mengemukakan rayuan berhubung keputusan itu dan pada 15 Mei lepas, Mahkamah Rayuan membenarkan permohonannya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951597>